



KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

PENGGANTUNGAN LESEN SYARIKAT TRIPZ HR HOLIDAY TOURS SDN. BHD.
(NOMBOR LESEN : MOTAC L/N/11198)

Selaras dengan Seksyen 8 Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482], adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah memutuskan untuk menggantung lesen **Syarikat Tripz HR Holiday Sdn. Bhd. [202201024391 (1470088-X)]** ("Syarikat") (Nombor lesen : **MOTAC L/N/11198**) berkuat kuasa mulai 7 Oktober 2025 sehingga 8 Januari 2026.

Syarikat didapati telah mengelolakan perkhidmatan pakej haji untuk musim haji 1445H/2024M tanpa lesen pengelola jemaah haji yang sah dan merupakan satu pelanggaran terhadap seksyen 27 Akta Tabung Haji 1995 [Akta 535]; dan perbuatan ini adalah suatu pelanggaran kepada undang-undang bertulis lain sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 8(1)(b) Akta 482.

MOTAC memandang serius sebarang pelanggaran peruntukan undang-undang oleh pengusahaan pelancongan berlesen demi menjaga kebajikan dan kepentingan rakyat Malaysia MADANI.

Sekian, terima kasih.

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)
21 Januari 2026

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-8891 7181

*Website: www.motac.gov.my Email: group.ukk@motac.gov.my Facebook, Instagram, X & TikTok:
[@mymotac](https://www.instagram.com/mymotac)*

